



We will be conducting system maintenance from 21 Feb, 10pm to 22 Feb, 9am. Patrons will not be able to use NLB's digital services during this period.

Sheik: Lima akan digugur

Berita Harian, 22 November 2000, Page 18

Article also available on Microfilm Reel NL22008

Printer-Friendly Page

## Sheik: Lima akan digugur Susuli kehampaan di Kejohanan Sedunia

SILAT OLEH

**SEKURANG-KU-RANGNYA** lima daripada 23 pesilat yang menyertai Kejohanan Sedunia di Jakarta akan digugurkan daripada skuad nasional Singapura.

Bagaimanapun Pengarah Teknikal Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Sheik Alauddin Yaacob, enggan menyebut senarai lima pesilat itu.

"Saya fikir pesilat-pesilat itu tahu kedudukan masing-masing dalam skuad nasional," kata Sheik, yang pulang bersama rombongan Singapura kelmarin.

Menjelaskan tentang keputusan itu, Sheik memberitahu: "Para pesilat ini tidak boleh maju lagi dalam kejohanan-kejohanan antarabangsa.

"Jadi, adalah lebih wajar mereka digugurkan daripada skuad negara dan kami akan berusaha mencari muka-muka baru nanti sebagai pengganti."

Singapura telah menetapkan matlamat tiga pingat emas dalam kejohanan di Jakarta tetapi pulang dengan Zulfakar Mohamed Ramli sekadar memungut pingat perak sahaja.

Dua lagi pesilat harapan, Abdul Kadir Ibrahim dan Noor Rafili Mohamed Ramli, tersekat langkah perjuangan mereka.

Sheik kemudian menarik perhatian bahawa Singapura

YUSOFF A. RAHMAN

kini terpaksa bergantung kepada Zulfakar dan Noor Rafili sebagai harapan negara dalam kejohanan-kejohanan akan datang kecuali pesilat lain menunjukkan kemajuan dalam latihan dan ujian.

Walaupun Rafili tewas 2-3 di tangan Abbas Akbar dari Indonesia dalam peringkat separuh akhir tetapi Sheik begitu yakin pesilat Singapura itu yang lebih wajar memenangi pertarungan tersebut.

"Rafili yang seharusnya memenangi perlawanan tersebut. Jika Rafili menang, maka sudah tentunya beliau akan menjuarai kelasnya kerana pesilat dari Indonesia telah muncul sebagai pemenangnya," kata Sheik.

Mengenai Zulfakar,

Sheik berkata beliau tidak tahu bagaimana pesilatnya itu boleh tiba-tiba tidak bermaya dalam pertandingan akhir menentang Nakim Kamsri.

"Namun begitu, Zulfakar dan abangnya, Rafili, tetap menjadi harapan negara dalam kejohanan akan datang," Sheik memberitahu.

Tetapi bagaimana dengan kedudukan Abdul Kadir?

"Kadir harus bekerja lebih keras lagi jika beliau mahu mengembalikan kegemilangannya dalam sukan ini.

"Dengan berat badannya yang bertambah, Kadir harus memperlihatkan teknik perlawanan yang lebih mudah jika beliau ingin memenangi perlawanan. Tak payah teknik yang susah-susah," Sheik menambah.



FOTO PAH  
Mesih menjadi harapan negara. Dua pesilat bersaudara, Mohamad Noor Rafili (kiri) dan adiknya, Zulfakar Mohamad Rafili, masih menjadi harapan negara sekiranya kedua-duanya gagal menjadi juara Kejohanan Sukan Sebelah.